

POLEMIK SEJARAH MALAYSIA

(Jilid 1)



Kementerian Perpaduan, Kebudayaan,
Kesenian dan Warisan Malaysia



Arkib Negara Malaysia

Hak cipta Arkib Negara Malaysia.
Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dari isi kandungan buku ini dalam apa-apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah.

DITERBITKAN OLEH :
ARKIB NEGARA MALAYSIA
JALAN DUTA 50568 KUALA LUMPUR
TEL: 03-6201 0688

ISBN: 978-967-912-123-0

Rekabentuk Dan Dicitak Oleh:
Percetakan Watan Sdn. Bhd.
No. 26, Jalan Daud, Kampung Baru,
50300 Kuala Lumpur.


959.9
POL

CATATAN

Buku ini mengandungi 35 kertas kerja yang telah dibentangkan dalam 12 sesi Majlis Polemik Sejarah Malaysia, anjuran Arkib Negara Malaysia yang diadakan dari tahun 1994 hingga 1998. Kertas-kertas kerja yang diterbitkan ini hanya diolah dari segi format penerbitan untuk keselarasan dan keseragaman teks. Manakala ejaan, gaya penulisan dan aspek kebahasaan adalah sebagaimana teks asal penulis. Pendapat dan pandangan yang terkandung dalam kumpulan kertas-kertas kerja ini merupakan hasil kajian dan cetusan minda penulis dan pembentang sendiri dan TIDAK SEMESTINYA mencerminkan pendapat Urusetia Majlis atau pandangan Arkib Negara Malaysia.







KANDUNGAN



Muka surat

Sekapur Sirih

Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan

Seulas Pinang

Ketua Pengarah, Arkib Negara Malaysia

Ucapan Perasmian

Ketua Setiausaha Negara

Pendahuluan

BAB 1

Sejarah Malaysia Sebelum 1400 : Kesenambungan Dan Perubahan

Nik Hassan Shuhaimi b. Nik Abdul Rahman Sejarah Malaysia Sebelum 1400 : Kesenambungan Dan Perubahan 3

Siti Zuraina bt. Abdul Majid Sejarah Malaysia Sebelum 1400 : Kesenambungan Dan Perubahan 4

Adi b. Haji Taha Soal Kebumiputeraan : Orang Melayu Adalah Orang Tempatan Yang Wujud Sejak Awal 5

Nik Hassan Shuhaimi b. Nik Abdul Rahman Struktur Masyarakat Dan Kerajaan Melayu Sebelum Melaka - Penempatan Dan Prasarana 9

Wan Hashim b. Wan Teh Teori Migrasi Dan Asal Usul Ras Melayu 14

Adi b. Haji Taha Penemuan Bukti Arkeologi Sejarah Awal Ulu Kelantan 22

BAB 2

Sejarah Malaysia Menjelang Kesultanan Melaka : Kegiatan Perdagangan Dan Islam

Nik Hassan Shuhaimi b. Nik Abdul Rahman Sejarah Malaysia Pra-Kesultanan Melaka : Abad 12-14 Masihi 27

Mahayuddin b. Haji Yahya Penyebaran Islam Di Tanah Melayu Sebelum Lahirnya Kerajaan Melayu Melaka : Sejarah Dan Implikasinya 30

Polematik Sejarah Malaysia

v



PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

<i>Yahaya b. Abu Bakar</i> Perdagangan Awal Di Malaysia Pra-Melaka	37
---	----

BAB 3 **Kesultanan Melaka : Menjejak Kebenaran**

<i>Abu Hassan b. Mohd. Sham</i> Hukum Kanun Melaka Dan Undang-Undang Laut Melaka	49
<i>Muhd. Yusof b. Ibrahim</i> Kesultanan Melayu Melaka 1400-(?) -1511 : Pensejarahan Dan Kesejarahan	69
<i>Yahaya b. Abu Bakar</i> Sejarah Melayu, Hang Tuah Dan Ungkapan Keterampilan Melaka	79
<i>Zainal Abidin b. Abdul Wahid</i> Kesultanan Melayu Melaka : Menjejak Kebenaran Dari Segi Sumber	88
<i>Muhammad Yusoff b. Hashim</i> Daulat : Satu Persepsi Sejarah dan Budaya	98
<i>Abdul Rahman b. Haji Ismail</i> Mencari Sejarah Melayu Yang Asli : Suatu Perbincangan Berasaskan Sulalat Us-Salatin Raja Bungsu	112

BAB 4 **Kesultanan Melaka : Hubungan Antarabangsa**

<i>Zainal Abidin b. Abdul Wahid</i> Kerajaan Melaka Dalam Hubungan Antarabangsa	123
<i>Abdul Rahman b. Haji Ismail</i> Hubungan Luar Kesultanan Melayu Melaka Berasaskan Sumber China : Suatu Pembicaraan Awal.	136
<i>Yahaya b. Abu Bakar</i> Mentelusuri Hubungan Awal Portugal-Melaka	145
<i>Muhammad Yusoff b. Hashim</i> Kesultanan Melaka Dan Hubungan Antarabangsa Daripada Sumber Tempatan	153
<i>Wan Hussein @ Azmi b. Haji Wan Abdul Kadir</i> Kesultanan Melaka : Perhubungan Antarabangsa	165
<i>Nordin b. Hussin</i> Sumber-Sumber Arkib Belanda Mengenai Melaka	170

BAB 5 **Kesultanan Melaka : Pentadbiran Dan Politik**

<i>Muhammad Yusoff b. Hashim</i> Kesultanan Melaka dan Budaya Politik	185
--	-----

<i>Zainal Abidin b. Abdul Wahid</i> Kesultanan Melaka : Satu Tinjauan Terhadap Pentadbiran	204
<i>Syed Zulflida b. Syed Mohd. Noor</i> Pentadbiran Melaka Darul 'Azim	217
BAB 6 Kesultanan Melaka : Budaya Dan Adat	
<i>Zainal b. Kling</i> Kesultanan Melaka : Penelitian Dari Sudut Kebudayaan	263
<i>Muhd. Yusof b. Ibrahim</i> Adat Istiadat Dalam Zaman Empayar Melayu Melaka	268
BAB 7 Kesultanan Melaka : Undang-Undang Dan Ekonomi	
<i>Abu Hassan b. Mohd. Sham</i> Kesultanan Melaka : Hukum Kanun Melaka	291
<i>Abdul Aziz b. Bari</i> Kesultanan Melaka : Undang-Undang Laut Dan Hukum Shara'	305
<i>Obaidellah b. Haji Mohamad</i> Kesultanan Melaka : Dari Bahan Sejarah Cina Melihat Aspek Ekonomi	312
BAB 8 Islam Di Melaka	
<i>Abdul Monir b. Yaacob</i> Undang-Undang Islam Dalam Hukum Kanun Melaka	319
<i>Yahaya b. Abu Bakar</i> Kemasukan Dan Penerimaan Agama Islam Di Melaka	328
<i>Yahaya b. Abu Bakar</i> Peranan Melaka Dalam Penyebaran Agama Islam	346
BAB 9 Kesultanan Melaka : Bahasa, Sistem Sosial Dan Kehidupan Budaya	
<i>Asmah bt. Haji Omar</i> Bahasa Sejarah Melayu : Satu Perbincangan Mengenai Bahasa Dan Ketokohan Bahasa Pengarangnya	365
<i>Wan Hashim b. Wan Teh</i> Sistem Sosial Masyarakat Melayu Pra-Kolonial	375
<i>Zainal Abidin b. Borhan</i> Kehidupan Budaya Di Zaman Kesultanan Melaka	383
Biodata Penulis Kertas Kerja	393





Sekapur Sirih



Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Arkib Negara Malaysia dan Jawatankuasa Majlis Polemik Sejarah Malaysia kerana memberi peluang kepada saya merakamkan kata-kata aluan dalam penerbitan kumpulan kertas kerja Polemik Sejarah Malaysia bagi jilid pertama ini iaitu berkaitan dengan Sejarah Awal Malaysia sehingga zaman Kesultanan Melayu Melaka.

Penerbitan buku ini bukan sahaja dapat memperkayakan pengetahuan kita semua, malah ia juga dapat memperluaskan lagi pemikiran kita apabila memperkatakan tentang sejarah dan kebenarannya. Apatah lagi penulis-penulis yang membentangkan kertas kerja dalam majlis ini merupakan pakar dalam bidang masing-masing. Saya juga berharap penghasilan buku ini akan memperbanyakkan lagi bahan berkaitan sejarah negara untuk tatapan generasi akan datang.

Sekali lagi saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Arkib Negara Malaysia dan Jawatankuasa Majlis Polemik Sejarah Malaysia serta semua pihak yang terlibat merancang dan menjayakan penerbitan kumpulan kertas kerja Polemik Sejarah Malaysia ini.

Dato' Seri Hj. Mohd Shafie Hj. Apdal
Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan



Seulas Pinang

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Syukur Alhamdulillah di atas penerbitan kumpulan kertas kerja Polemik Sejarah Malaysia ini. Polemik Sejarah Malaysia merupakan program bersiri anjuran Arkib Negara Malaysia bertujuan untuk menjadi landasan bagi penulisan semula sejarah negara. Sejak dimulakan pada tahun 1994, sejumlah 22 sesi pembentangan dan perbincangan kertas kerja telah berjaya diadakan.

Penerbitan kumpulan kertas kerja ini diharap dapat menjadi titik permulaan dan asas kepada penulisan semula sejarah negara di samping memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai peri pentingnya sejarah negara ditulis semula mengikut pandangan dan kesepakatan para pengkaji tempatan. Penglibatan semua pihak terutamanya para pengkaji tempatan yang terdiri daripada ahli-ahli sejarah, arkeologi, budaya dan bahasa dari pelbagai institusi merupakan faktor penting ke arah pewujudan hasil kajian yang berwibawa.

Selaras dengan hasrat jabatan ini untuk menjadi Pusat Sumber dan Penyelidikan Negara, penerbitan kumpulan kertas kerja ini amat tepat dan wajar dalam usaha kita untuk mempertingkatkan koleksi bahan rujukan dan mengenengahkannya untuk kajian umum. Seterusnya, usaha untuk mewujudkan masyarakat yang berilmu dan cintakan sejarah dan negaranya akan menjadi kenyataan.

Sekalung penghargaan dan terima kasih saya kepada semua pihak yang telah berganding bahu dan mencurahkan tenaga bagi menayakan penerbitan ini.

Sidek Jamil
Ketua Pengarah, Arkib Negara Malaysia

Ucapan
Y.Bhg. Tan Sri Dato' Seri Ahmad Sarji bin Abdul Hamid
Ketua Setiausaha Negara
Di Majlis Perasmian Polemik Sejarah Malaysia
di Auditorium Arkib Negara Malaysia
Pada 14 April 1994

Saya ingin mengucapkan rasa terima kasih kepada Y.Bhg. Dato' Zakiah Hanum, Ketua Pengarah, Arkib Negara Malaysia yang telah sudi mengundang saya untuk merasmikan program Polemik Sejarah Malaysia pagi ini. Saya merasa yakin, dengan adanya program seumpama ini, usaha yang kita lakukan terutamanya oleh para sejarawan dalam proses mengesan dan mendapatkan bukti-bukti sebenar atau fakta-fakta mengenai sejarah tanahair akan mendapat kejayaan yang sepenuhnya. Ini akan dapat menghapuskan segala bentuk pemikiran dan pra-sangka yang mengelirukan terhadap perkembangan penulisan sejarah kita. Justeru itu, galakan yang sesuai seharusnya diberikan kepada para pengkaji sejarah tempatan dalam usaha mereka untuk memperkayakan lagi bahan bukti sejarah Malaysia. Di tangan merekalah kita meletakkan kepercayaan bahawa sejarah itu adalah hakikat yang sebenar berlaku. Saya juga mengharapkan agar mereka yang terbabit di dalam membuat kajian-kajian sejarah akan dapat menyebarkan dan memaklumkan penemuan-penemuan terbaru mereka kepada masyarakat umum sama ada melalui media-media cetak seperti penerbitan buku-buku ilmiah, akhbar-akhbar dan segala bentuk forum, persidangan ataupun yang seumpamanya untuk ditatapi bersama.

Saya merasa sungguh bangga oleh kerana adanya daya usaha yang dilakukan oleh Arkib Negara ini akan menjadi contoh teladan kepada jabatan-jabatan dan institusi-institusi lain yang seumpamanya di dalam memusatkan lagi perkembangan ilmu sejarah tempatan. Melalui Majlis Polemik Sejarah ini juga, saya berharap akan dapat dijadikan landasan untuk kita sama-sama menimba pengetahuan dan pengalaman daripada hasil-hasil kajian yang telah dilakukan oleh para ahli panel selepas ini.

Pendidikan sejarah adalah satu daripada cabang ilmu pengetahuan yang sangat besar dan boleh menjadi mata pelajaran teras di sekolah-sekolah pada hari ini. Maka dengan itu, pandangan dan buah fikiran yang bernas dan bermakna dari mereka yang telah menjalankan kajian ke atas satu-satu tajuk amatlah diperlukan. Dengan cara ini, secara langsung kandungan atau inti pati ilmu sejarah yang diajar di sekolah-sekolah dan institusi pengajian tinggi pada hari ini akan menjadi lebih tepat dan jitu. Saya merasakan satu kerugian besar jika terdapat orang perseorangan, kumpulan ataupun anggota masyarakat yang cuba memutarbelitkan kenyataan-kenyataan masa lampau tanpa mendapat pandangan sebenar daripada mereka yang benar-benar arif mengenai sejarah. *Perhaps no one has changed the course of history as much as the historians.*

Polemik sejarah ini sudah tentu akan memastikan maklumat-maklumat dan penemuan-penemuan baru mengenai sejarah tanahair dapat dibincangkan, diulas, dikumpul dan diumumkan kepada orang ramai. Saya juga merasakan perlunya memupuk kesedaran masyarakat betapa pentingnya pengetahuan sejarah tanahair yang tepat dan betul. Di samping itu, Polemik ini juga adalah diharapkan akan dapat melengkapkan maklumat dan bahan-bahan sejarah untuk kepentingan sejarah tanahair. Ketandusan idea-

idea yang bernas dalam menghadapi persaingan dengan sejarah-sejarah luar negara, boleh meletakkan pandangan dan kepercayaan terhadap sejarah tempatan di tahap yang rendah. *History is to a nation is what memory is to the individual.*

Pertambahan pelajar-pelajar sekolah, institusi-institusi pengajian tinggi, golongan akademik dan individu-individu tertentu membuat penyelidikan dalam bidang sejarah amat perlu untuk mendapatkan bahan-bahan asal. Bahan-bahan ini menjadi tonggak kepada kajian mereka kerana ianya mengandungi fakta-fakta yang asal. Maka dengan adanya Polemik sejarah ini, adalah diharapkan pendedahan maklumat-maklumat terbaru akan dapat disampaikan kepada pihak tertentu yang amat memerlukannya. Setidak-tidaknya Majlis Polemik ini akan menjadi medan untuk meneliti tanggapan bahawa legenda dan mitos telah meresap ke dalam sejarah negara kita. *History in nothing more than the art of reconciling fact with fiction.*

Sejak kebelakangan ini banyak kritikan dan komen telah disuarakan tentang isi kandungan buku-buku teks Sejarah Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Antara isu penting yang ditimbulkan sehubungan ini ialah tentang kesahihan serta ketepatan (*accuracy*) fakta sejarah yang diberikan di dalam buku-buku tersebut. Justeru itu, adalah difikirkan wajar diadakan satu Polemik Sejarah berhubung dengan pengkajian dan penulisan sejarah yang lebih cekap dan teliti untuk mengatasi masalah bersabit dengan isu tersebut. Kepentingan dan keperluan Pendidikan Sejarah telah dijadikan mata pelajaran teras dalam KBSM bahkan juga kerana begitu banyak pengajaran dan iktibar yang boleh diperolehi daripadanya. Seperti yang diingatkan kepada kita oleh seorang ahli falsafah Amerika bernama George Santayana, "*those who cannot remember the past are condemned repeat it*".

Saya juga merasakan bahawa sebelum ini tidak ramai dari kalangan pengkaji-pengkaji tempatan kita bertemu dan berbincang di antara mereka mengenai hasil-hasil kajian terbaru yang telah mereka temui ataupun di dalam majlis-majlis seperti mana yang diadakan pada hari ini. Dengan demikian kenyataan-kenyataan yang salah dan tidak tepat di dalam buku-buku sejarah yang terdahulu masih kekal menjadi bahan kajian orang ramai khususnya anak-anak Malaysia yang masih memerlukan perbincangan dan fakta sahih dari para sejarawan tempatan. Kita seboleh-bolehnya mahukan perkara ini dapat diselesaikan dengan baik dan diterima oleh segenap lapisan masyarakat. *The reason history repeats itself is that most people were not listening correct the first time.*

Sejarah boleh membuktikan bahawa maju mundurnya satu-satu bangsa zaman lampau boleh dibuktikan melalui bidang sejarah. Tanpa sejarah kita akan sukar untuk menilai sejauh mana kemajuan dan ketamadunan bangsa kita sendiri. *The Quran lays great emphasis on the fact that the process of history is not neutral in respect of nations and communities for it says clearly, "God is on the side of those who fear Him and do good" (XVI:127). The law of divine retribution governs the process of history. A community or nation must be conscious that the law is operative in so far as its collective existence is concerned. If it is virtuous in its conduct towards its own members as well as those outside its fold, then it can rely on divine support in its struggle against hostile forces.*

Sejarah bukan sahaja membolehkan kita mempelajari daripada kesilapan-kesilapan yang berlaku bahkan ia juga mengajar atau membimbing kita untuk menjadi rakyat yang bertanggungjawab serta berkelakuan baik, yakni rakyat yang taat setia dan bangga dengan budaya dan warisan negaranya. Dalam lain perkataan sejarah boleh dijadikan suatu alat penting untuk memupuk semangat patriotisme di kalangan rakyat sesebuah negara.

Akhir kata saya sekali lagi merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada ahli-ahli panel pada hari ini dan juga kepada semua Universiti dan para akademik yang telah membantu Arkib Negara dalam menjayakan program ini. Semoga usaha ini akan bertambah jayanya di masa-masa akan datang. Saya dengan sukacitanya merasmikan Majlis Polemik Sejarah Malaysia.

PENDAHULUAN

Penulisan awal mengenai sejarah Malaysia kebanyakannya diperolehi daripada sumber penulisan penulis-penulis luar terutamanya penulis di zaman penjajahan. Dokumen asal dan manuskrip Melayu lama yang dihasilkan oleh penulis Melayu jati amat sedikit serta tidak dapat memberi maklumat lengkap tentang sejarah negara. Di samping itu, ianya diadun pula dengan legenda dan mitos menjadikan hasil penulisan ini dianggap sebagai penglipur lara semata-mata dan tidak boleh dipegang sebagai fakta yang objektif. Oleh itu, sejarah negara pada hari ini banyak diwarnai oleh penulisan-penulisan yang lahir dari kacamata penulis barat yang menulis tanpa bersandarkan fakta sebenar mahupun memahami budaya orang-orang Melayu yang sebenarnya mendiami dan melakari sejarah Tanah Melayu. Penulisan merekalah yang kemudian menjadi asas kandungan buku-buku teks sejarah pelajar-pelajar sekolah di negara ini.

Dari sejak kemerdekaan, buku-buku teks ini terus diguna sehinggalah pada tahun 1960an, apabila ramai anak tempatan mula menulis sejarah Tanah Melayu mengikut perspektif anak bangsa sendiri. Dalam pada itu, ramai pengkaji tempatan termasuk ahli-ahli sejarah dan arkeologi yang berminat membuat penyelidikan berdasarkan fakta dan dokumen sebenar. Namun begitu, hasil kajian dan penyelidikan mereka ini jarang sekali ditampikan mahupun dikemukakan untuk perbincangan secara bersama. Hasil kajian mereka sering dibuat secara berasingan dengan setiap pengkaji membuat kesimpulan tentang kajiannya sahaja. Tidak ramai yang berbincang sesama mereka bagi mengemukakan hasil kajian atau menyampaikan maklumat dan penemuan baru untuk memperbetulkan fakta atau memperbaiki penulisan sejarah. Akibatnya, maklumat yang ditulis dalam buku sejarah masih kekal dan terus menimbulkan kekeliruan kepada masyarakat.

Berikutan itu, Arkib Negara Malaysia mengambil inisiatif menganjurkan satu program bersiri iaitu Polemik Sejarah Malaysia sebagai satu-satunya platform bagi membolehkan segala penemuan baru dan hasil kajian oleh pengkaji-pengkaji tempatan yang berwibawa ini dibincang, diulas, dikumpul dan disahkan untuk diketengahkan dan diterimapakai sebagai fakta sahih sejarah negara. Seterusnya fakta ini akan digunakan untuk pembetulan dan penulisan semula sejarah negara ini. Selaras dengan peranannya sebagai pusat sumber dan penyelidikan negara, pendekatan ini diharap dapat mewujudkan masyarakat yang berilmu, cintakan sejarah dan khazanah warisannya serta negara.

Buku Polemik Sejarah Malaysia Jilid I mengandungi kumpulan kertas-kertas kerja yang dihasil dan dibentangkan oleh ahli-ahli panel majlis yang terdiri daripada pengkaji-pengkaji sejarah tanahair termasuk ahli-ahli arkeologi. Kupasan yang menarik diberi terhadap pelbagai isu dan fakta sejarah yang bersifat kontroversi dan pernah berbangkit suatu ketika dulu khususnya mengenai tiga fasa pertama dalam sejarah Malaysia iaitu sejarah Malaysia sebelum 1400, sejarah Malaysia pra-Melaka dan sejarah Kesultanan Melayu Melaka. Umum mengetahui bahawa sejarah Malaysia sebelum 1400 hanya diberi penekanan yang sangat kecil dalam bidang pendidikan termasuk buku-buku teks Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Amat sedikit bilangan masyarakat yang mengenali atau peka kepada sejarah awal tersebut. Dalam pada itu, beberapa fakta sejarah telah diputarbelit dan diberi interpretasi yang salah. Kedudukan bumiputera sebagai penduduk asli yang sah di negara ini adalah salah satu contoh fakta yang cuba dipesongkan dengan hanya bersandarkan pada teori migrasi. Namun tinggalan-tinggalan arkeologi di Lembah Bujang dan di

Lenggong telah berjaya membuktikan bahawa penduduk di Semenanjung Tanah Melayu ini telah wujud sejak zaman batu awal dan bahawa kerajaan-kerajaan tempatan yang awal pula telah wujud di semenanjung ini sejak zaman batu tengah lagi.

Begitu juga dengan tulisan dan catatan awal pedagang dan ahli pelayaran serta bukti-bukti arkeologi di Kedah, Perak, Selangor, Pahang, Terengganu dan Kelantan menunjukkan telah wujud tamadun dan pusat pentadbiran Melayu sejak zaman pra-sejarah lagi iaitu di antara 40,000 – 35,000 tahun yang lalu. Bukti arkeologi, penemuan batu bersurat dan batu nisan serta catatan pedagang awal juga menunjukkan sebahagian kerajaan-kerajaan awal yang wujud di Semenanjung Tanah Melayu sebelum 1400 seperti di Kedah, Terengganu, Pahang dan Kelantan telah menerima Islam lebih awal daripada Melaka. Kerajaan-kerajaan Melayu ini muncul sebagai pusat pelabuhan dan entrepot serta pusat pengumpulan dan persinggahan pedagang-pedagang asing kerana lokasi strategiknya yang terletak di muara-muara sungai, teluk dan pantai.

Kerajaan Melayu Melaka yang wujud selepas 1400 telah membentuk empayar dan kesultanan Melayu yang terulung dalam sejarah Semenanjung Tanah Melayu. Kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka dari segi pentadbiran, sosioekonomi dan politik serta jalinan hubungan antarabangsa diteliti daripada sumber-sumber tempatan dan catatan-catatan luar oleh pengembara dan pedagang yang singgah di Melaka. Perundangan, sistem sosial, budaya dan adat serta pengaruh Islam di Melaka turut dikaji bagi memperlihatkan struktur kerajaan yang kukuh didokongi oleh norma dan nilai-nilai kehidupan yang terjalin erat hingga berupaya menjadi tradisi yang diwarisi kesultanan-kesultanan Melayu lain yang wujud selepasnya.

Kumpulan kertas kerja ini adalah jilid pertama diterbitkan daripada tiga jilid. Jilid pertama ini mengandungi 9 bab yang mewakili 9 tema yang diadakan dalam 12 sesi Majlis Polemik Sejarah. Jilid kedua akan menyusul dengan 6 tema berkaitan sejarah Kesultanan Johor melalui 7 sesi majlis. Manakala penerbitan jilid ketiga akan mencakupi 3 tema berkaitan sejarah Malaysia sehingga abad ke-19 dengan fokus kepada sejarah negeri Kedah yang diadakan menerusi tiga sesi majlis.

Dengan penerbitan kumpulan kertas-kertas kerja ini diharapkan segala usaha, kajian dan penemuan oleh pengkaji-pengkaji tempatan yang terdiri daripada ahli-ahli sejarah, arkeologi, budaya dan bahasa dapat diketengahkan untuk pengetahuan, kesedaran dan kepekaan generasi masa kini dan yang akan datang tentang sejarah sebenar negara Malaysia yang wujud pada hari ini. Semoga ia menjadi satu wadah murni yang dapat menjana masyarakat yang berilmu dan cintakan negaranya. Secara langsung juga diharap ia mencetuskan minat dan inspirasi kepada masyarakat dan para pengkaji agar mementing dan menggunakan bahan asal terutama bahan-bahan arkib dalam menjalankan apa jua bidang penyelidikan mereka.



BAB 1





SEJARAH MALAYSIA SEBELUM 1400 : KESINAMBUNGAN DAN PERUBAHAN

Nik Hassan Shuhaimi b. Nik Abdul Rahman

1. Sejarah Malaysia sebelum 1400 hanya diberikan penekanan yang kecil dalam pendidikan dan buku-buku teks Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah/Menengah (KBSR/KBSM). Ini akan memberikan kesan yang negatif kerana kebanyakan masyarakat tidak mengetahui mengenai sejarah zaman tersebut, malahan ianya dianggap tidak begitu penting. Justeru itu akan memberi kesan negatif terhadap peranan kerajaan untuk menanamkan semangat cintakan negara dan pembinaan bangsa yang bersatu.
2. Terdapat golongan-golongan yang akan memutar belitkan dan memberi interpretasi terhadap fakta-fakta sejarah demi untuk mengikis kepercayaan terhadap bumiputera sebagai penduduk asli yang sah di negara ini. Contohnya pada tahun 1980an, terdapat kartun yang menggambarkan orang-orang Melayu datang ke Malaysia dan menghalau penduduk asli ke dalam hutan. Tinggalan arkeologi di Lembah Bujang, Kedah dikatakan sebagai milik orang-orang India yang berpindah ke negara ini bukannya milik bumiputera yang menganut agama Hindu-Buddha.
3. Pada tahun 1960an, wujud perdebatan '*centric*' dalam penulisan sejarah Malaysia, tetapi persoalannya hanya ditumpukan pada sejarah selepas 1400 sahaja.
4. Daripada bukti kajian arkeologi dan para sarjana, penduduk di Semenanjung Malaysia telah wujud sejak pada Zaman Batu Awal (Paleolitik Akhir) dan wujud bukti pada Zaman Batu Tengah, Zaman Batu Akhir dan Zaman Logam yang menunjukkan telah wujud kerajaan-kerajaan awal di Semenanjung.
5. Aliran atau pendekatan penulisan sejarah sebelum tahun 1400 terbahagi kepada dua iaitu :
 - i. Aliran Kolonialisme yang berpegang kepada teori konsep migrasi sebagai faktor yang membawa kepada perubahan-perubahan dalam tamadun di Semenanjung Malaysia. Migrasi ini berdasarkan satu kelompok ke satu kelompok atau perpindahan dari satu tempat ke satu tempat, tetapi asal dari kelompok mana masih tidak diketahui. Teori ini dikenali juga sebagai 'Teori Kuih Lapis'. Menurut beliau, teori ini merupakan teori 'Romantik dan Spekulatif'.
 - ii. Aliran Perkembangan Dalaman di mana wujud kesinambungan dan ada elemen-elemen tertentu melalui perubahan. Tiada perpindahan berdasarkan gelombang-gelombang.

SEJARAH MALAYSIA SEBELUM 1400 : KESINAMBUNGAN DAN PERUBAHAN

Siti Zuraina bt. Abdul Majid

1. Pengajaran sejarah negara tidak memberi tekanan yang sewajarnya terhadap pengetahuan tentang zaman prasejarah. Zaman prasejarah menduduki masa yang lebih panjang daripada zaman sejarah (lebih daripada 99% sejarah manusia adalah dalam zaman prasejarah). Maka, dari segi masa, zaman sejarah sangat pendek apabila dibandingkan dengan zaman prasejarah.

Guru-guru dalam latihan dan pelajar sekolah menengah harus didedahkan kepada pengetahuan tentang prasejarah negara.

2. Beberapa fakta daripada hasil kajian zaman kolonial masih terdapat dalam buku-buku sekolah sungguhpun adanya kajian terbaru. Contohnya, bahagian prasejarah yang dipanggil Mesolitik (ini adalah pembahagian period dari Eropah dan tidak boleh disesuaikan kepada keadaan di Asia Tenggara). Juga, perkataan Hoabinhian yang sering digunakan untuk Malaysia, harus dilihat semula.

Method kajian dahulu tidak sahih, atau saintifik dan mereka yang menjalankan kajian bukanlah pakar, tetapi pentadbir yang berminat. Satu isu yang timbul ialah mereka mengatakan bahawa Asia Tenggara adalah kawasan mundur berdasar pada bentuk alat batu.

Buku-buku teks harus menggambarkan hasil penyelidikan yang terbaru.

3. *Method* kajian arkeologi prasejarah adalah berlainan daripada *method* untuk arkeologi zaman sejarah. Buku-buku teks boleh menarik minat pelajar jika ia menceritakan bagaimana bukti prasejarah diperolehi (bagaimana ekskavasi mendapat pentarikan, bagaimana *archaeologist* membezakan batu biasa daripada batu yang menjadi alat). Dengan cara ini, kita akan menggalakkan pelajar memikir dan mempunyai sifat ingin tahu.
4. Migrasi utara-selatan yang sering dikatakan berlaku. Migrasi bermakna orang masuk secara beramai-ramai. Untuk perkara ini berlaku, mestilah ada daya penarik dan daya penolak. Kita tidak ada bukti ini dalam arkeologi. Apa yang kita lihat, ialah negara ini mempunyai penduduk asalnya sejak berpuluh ribu tahun dan mereka hidup secara nomadik, merayau mengikut musim makanan, kadang-kadang ke utara kadang-kadang ke selatan, mengikut keupayaan mereka untuk mengatasi alam semula jadi. Bukanlah yang semenanjung ini kosong dan orang utara berhijrah ke sini mengikut beberapa gelombang penghijrahan.

SOAL KEBUMIPUTERAAN : ORANG MELAYU ADALAH ORANG TEMPATAN YANG WUJUD SEJAK AWAL

Adi b. Haji Taha

Orang Asli dan orang Melayu adalah sama asalnya, dilihat dari segi fizikal. Tapak-tapak arkeologi zaman prasejarah dan protosejarah terdapat di kedua-dua kawasan pedalaman (Orang Asli) dan di luar pedalaman/pesisiran (orang Melayu). (Kenyataan dan pembahagian ini adalah terlalu simplistik dan tidak menggambarkan keadaan sebenar. Kita sedia maklum bahawa terdapat Orang Asli yang tinggal di pesisiran seperti suku Mah Meri dan Orang Laut dan tidak kurang pula orang Melayu yang tinggal di kawasan pedalaman Semenanjung Malaysia sejak zaman dahulu lagi).

Persoalan adakah orang di pedalaman lebih bumiputera daripada orang di pesisiran, telah menjadi isu. Dari kajian yang dibuat, persoalan pedalaman atau pesisiran adalah pemilihan kumpulan-kumpulan itu sendiri pada suatu ketika atau oleh desakan keadaan pada masa-masa tertentu. Dalam soal kebumiputeraan, mereka tetap sama.

Masyarakat Che Wong dari Pahang mengakui nenek moyang mereka berasal dari Pagar Ruyung, Sumatera. Ini boleh membuktikan orang Melayu dan Orang Asli adalah sama dari segi asal usulnya.

Soal kebumiputeraan: Orang Melayu adalah orang tempatan yang wujud sejak awal

Memang tidak dapat dinafikan bahawa, penduduk asli (atau Inggerisnya '*indigenous*') di Semenanjung Malaysia hari ini terdiri dari dua kaum utama iaitu Melayu (yang bertutur bahasa Melayu-Austronesia) dan Orang Asli (yang merangkumi etnik Melayu Asli, Senoi dan Semang yang sebahagian besarnya bertutur dalam bahasa Aslian - iaitu cabang bahasa Mon-Khmer dari bahasa induk *Austro-Asiatic*). Pendapat ini telah dijelaskan dengan panjang lebar oleh Dr. Geoffrey Benjamin pada Simposium ke-2 mengenai Kehidupan Sosial dan Pembangunan Masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia pada tahun 1986 (Benjamin 1989). Namun, anehnya terdapat segelintir cendekiawan yang berselisih pendapat tentang kenyataan ini. Bagi mereka penduduk asli di Semenanjung Malaysia hanya terdiri dari Orang Asli manakala orang Melayu adalah 'pendatang'. Pandangan mereka amat dangkal dan menimbulkan satu polemik yang perlu diberi penjelasan.

Untuk meninjau polemik ini, kita perlu melihat zaman lebih ke belakang. Untuk menyorot jauh ke zaman silam, kita tidak punya pilihan melainkan bersandar kepada bukti arkeologi yang dihasilkan secara sistematik dan saintifik. Sejarah di Semenanjung Malaysia bertitik tolak pada permulaan wujudnya

rekod bertulis dan dalam kes ini bermula pada zaman Kesultanan Melaka melalui penulisan *Sejarah Melayu* yang dianggap satu hasil sejarah atau setidaknya-tidaknya sebagai satu karya 'pseudo-sejarah'. Bagi zaman protosejarah yang lebih awal dari itu, bukti-bukti sejarah hanya boleh diperolehi dari prasasti (dalam bahasa Melayu kuno dan sanskrit) yang terhad penulisannya dan sedikit bilangannya di sekitar tamadun Lembah Bujang, Kedah. 'Batu Bersurat Terengganu' merupakan satu lagi bukti nyata tentang kewujudan masyarakat Melayu di negara ini. Walaupun batu-batu bersurat dan prasasti yang dijumpai amat ringkas isinya, namun bukti yang diperolehi dari artifak tersebut sudah cukup untuk membuktikan tentang kewujudan sesuatu bukti yang boleh memerihal peristiwa dan persejarahan pada masa itu tentang wujudnya orang-orang Melayu sejak awal lagi.

Kalau dulu, pengkaji barat hanya melihat Semenanjung Malaysia sebagai satu laluan atau jambatan dalam arus pergerakan manusia dari satu tamadun di utara (Yunnan atau China) menuju ke kepulauan di sebelah timur. Bagi mereka, Malaysia tidak begitu subur dan tidak mempunyai peninggalan sejarah yang unggul seperti Angkor Wat di Kampuchea atau Borobudur di Indonesia.

Dengan berkembangnya penyelidikan arkeologi yang diasaskan oleh ahli penyelidik barat, kita kini sudah boleh berbangga kerana sudah mempunyai ahli arkeologi tempatan yang begitu giat membongkar sejarah penduduk dan kebudayaan negara ini.

Kajian yang telah dibuat oleh Prof. Dato' Zuraina Majid di daerah Lenggong telah menghasilkan bukti arkeologi yang menunjukkan bahawa Semenanjung Malaysia telah didiami manusia sejak Zaman Pleistosen lagi iaitu kira-kira 30,000-35,000 tahun yang lalu berdasarkan penemuan di Kota Tampan, Lenggong, Perak (Zuraina 1988-89, Zuraina dan Tjia 1988). Beliau juga berjaya menunjukkan bahawa masyarakat zaman tersebut sudah mempunyai teknologi mencipta alat batu yang pelbagai guna (*multi-functional*). Malah beliau berjaya menyingkap bukti bahawa kesinambungan sejarah perkembangan kebudayaan dan penduduk berlaku di Semenanjung Malaysia khususnya di sekitar lembah Sungai Perak. Antara bukti yang jelas yang meletakkan penduduk Semenanjung Malaysia sebagai penghuni tertua ialah dengan terjumpanya 'Manusia Perak' yang dianggap hidup sekitar 10,000 - 11,000 tahun dahulu (Zuraina, 1994). Masyarakat zaman itu juga dikatakan sudah mempunyai sistem hierarki dalam struktur organisasi, mungkin dalam bentuk yang ringkas.

Pada kira-kira zaman awal Holosen, boleh dikatakan segenap pelosok Tanah Melayu telah didiami manusia. Bukti arkeologi yang ditemui di tapak gua dan juga di pesisir pantai (Seberang Perai dan Seberang Perak) menunjukkan masyarakat ini menghasilkan alat batu yang sering diistilahkan sebagai industri 'hoabinhian'. Masyarakat ini dianggap sebagai mengamalkan sistem mengumpul dan memburu (*hunting and gathering*) untuk menyara hidup mereka. Ada pendapat yang mengatakan pertanian awal sudah bermula pada zaman ini. Kebudayaan ini dipercayai wujud antara 10,000 tahun silam hingga 4,000 atau 5,000 tahun berdasarkan kepada pentarikhan karbon 14.

Selepas dari zaman tersebut, satu perubahan amat ketara dalam *assemblage* kebudayaan kebendaan (*material culture*) masyarakat purba pada sekitar 4,000 tahun silam. Bukti-bukti menunjukkan bahawa mereka sudah berupaya menghasilkan artifak yang canggih seperti beliung batu bercanai, mereka sudah bercucuk tanam dan menghasilkan alat perhiasan serta tembikar tanah yang agak tinggi mutu buatannya dan bentuk yang agak sofistikated. Kebudayaan zaman ini dinamakan 'Neolitik'. Malah pada zaman ini, sistem struktur masyarakat lebih utuh dan terserlah seperti yang dimanifestasikan oleh bahan dan artifak pengebumian yang ditanam bersama mayat mereka.

Sepintas lalu, kita dapati terdapat ciri-ciri yang menarik berkaitan dengan tembikar yang dihasilkan masyarakat Neolitik kerana sebahagiannya mempunyai persamaan dengan tembikar Melayu yang dapat dilihat pada hari ini. Contohnya, bejana dari Gua Cha di Ulu Kelantan dan Gua Tengku Lembu di Perlis adalah seperti periuk tanak orang Melayu.

Yang menjadi masalah pada hari ini ialah ada pengkaji sejarah termasuk beberapa ahli sejarah yang terkenal di negara kita yang tidak mengiktiraf hasil kajian arkeologi. Bagi mereka, kononnya data arkeologi mengelirukan (lihat Laporan Pembentangan Kertas Kerja, Seminar Arkeologi Malaysia dengan tumpuan khusus kepada negeri Kelantan oleh Nik Hassan Shuhaimi, 1987:244). Suatu hal yang tidak begitu menggembirakan ialah kebanyakan pengkaji dan penulis buku sejarah di negara ini masih lagi merujuk kepada buku-buku dan penulisan yang ditulis oleh penulis sejarah zaman kolonial yang sudah dianggap lapuk dan tidak tepat serta ketinggalan zaman. Mereka masih lagi merujuk kepada buku-buku R.O. Winstedt, Skeat dan Blagden, M.W.F. Tweedie dan D.G.E. Hall bila berbicara tentang zaman prasejarah atau sejarah awal Malaysia.

Kita sedia maklum bahawa ramai ahli sejarah dan ahli arkeologi zaman penjajah melihat Semenanjung Malaysia sebagai titian atau laluan dalam arus penghijrahan masyarakat purba dari satu tamadun di utara khususnya dari Yunnan ke kepulauan di sebelah timur. Pendukung utama pendekatan ini ialah R. Von Heine-Geldern yang seterusnya mempengaruhi ahli penyelidik arkeologi pada zaman penjajahan Inggeris. Menurut teori ini, orang Melayu merupakan kumpulan pendatang seperti juga dengan Orang Asli. Penduduk negara ini yang menghasilkan artifak arkeologi sejak berpuluh ribu tahun yang lalu adalah nenek moyang kepada penduduk di Kepulauan Pasifik (Oceania dan Polynesia).

Persoalan sekarang ialah bagaimana untuk melihat sama ada orang Melayu dan Orang Asli adalah dari satu rumpun atau merupakan dua kelompok ras yang berbeza dan tidak mempunyai pertalian keturunan sama sekali.

Bagi memulakan perbincangan, saya turunkan petikan dari artikel Geoffrey Benjamin (1989: nota kaki 18) :

"Malayan archaeology is, of course, Melayu archaeology too, for at prehistoric times depth, the current distinction between Melayu and Orang Asli fades into nothingness"

Persoalan tentang kependudukan atau asal usul manusia di Semenanjung Malaysia amat menarik sekali. Apabila memperkatakan tentang kebumiputeraan khususnya tentang asal usul orang Melayu dan Orang Asli, kekeliruan seperti di atas akan wujud sekiranya penyelidik tempatan dan orang ramai kurang atau tidak merujuk kepada hasil kajian terkini yang dijalankan oleh ahli arkeologi tempatan di negara sendiri.

Dewasa ini, teori tersebut sudah dianggap tidak tepat dan telah ditolak oleh ramai ahli antropologi dan juga ahli arkeologi. Bagi merumus pandangan yang membezakan Orang Asli adalah moyang kepada sebahagian orang Melayu di Semenanjung Malaysia, saya perturunkan petikan dari artikel yang ditulis oleh Prof. Madya Dr. Geoffrey Benjamin (1989) seperti berikut :

"One way out of this impasse is to treat all the indigenous societal of the Malay Peninsula - the Malay tradition as well as the various Orang Asli ones - as the result of choices made within the same, pan-peninsular, field of social, political and ecological relations" (Benjamin 1989:14)

STRUKTUR MASYARAKAT DAN KERAJAAN MELAYU SEBELUM MELAKA - PENEMPATAN DAN PRASARANA

Nik Hassan Shuhaimi b. Nik Abdul Rahman

Pada hari ini lebih ramai penduduk Malaysia mengenali sejarah Malaysia pra-Melaka. Hal ini berlaku kerana adanya perasaan ingin tahu tentang warisan sejarah pra-Melaka yang terdapat di beberapa tempat di negara ini. Masyarakat disedari dengan sejarah pra-Melaka apabila sebahagian kecil maklumat tentangnya diperkenal melalui pendidikan sejarah dalam buku-buku sejarah di tingkatan satu. Di samping itu, polemik-polemik sejarah seperti ini menambah lagi minat orang ramai tentang keadaan negara sebelum kelahiran Kesultanan Melaka.

Di waktu yang sama, maklumat-maklumat tentang zaman tersebut sering kali juga tersebar dalam akhbar-akhbar. Malangnya fakta-fakta yang diketengahkan, kadangkala walaupun penulis-penulis itu adalah profesor sejarah, tidak tepat. Justeru itu, masyarakat terdedah kepada sejarah yang tidak dapat dipertanggungjawabkan.

Maka polemik sejarah seumpama ini diharapkan menjadi benteng kepada penyebaran fakta sejarah yang tidak tepat dan tidak terkini. Walaupun diakui bahawa sesiapa sahaja berhak menulis sejarah tetapi untuk bidang-bidang tertentu seperti prasejarah dan protosejarah kepakaran adalah asas utama untuk melahirkan sejarah yang benar. Sekiranya ada ahli sejarah yang menganggap zaman pra-Melaka tidak penting, maka adalah menjadi tanggungjawabnya untuk memberi jalan kepada mereka yang pakar dalam bidang-bidang tersebut untuk menulisnya. Yang menjadi masalahnya ialah ada di kalangan ahli sejarah yang tidak berminat dan tidak mahu membuat penyelidikan tentang prasejarah atau protosejarah tetapi masih mahu menulis tentangnya.

Maka akan timbul tulisan sejarah yang tidak benar. Menyebar fakta-fakta yang salah kerana mereka itu tidak memiliki ilmu yang cukup untuk membincang perkara yang mereka bincang walaupun mereka itu kadangkala bertaraf profesor dalam bidang sejarah. Ini adalah kerana bidang sejarah pra-Melaka memerlukan mereka yang pakar dalam bidang arkeologi/antropologi prasejarah dan ahli sejarah zaman klasik sahaja yang dapat menilai fakta-fakta dengan betulnya. Masalah kita ialah ada profesor-profesor sejarah yang dari satu segi memandang ringan tentang sejarah pra-Melaka mengambil kesempatan untuk memberi penilaian dan menyusun galur sejarah pra-Melaka itu mengikut tanggapan-tanggapan tersendiri.

Pada pendapat saya, sejarah Malaysia harus dilihat dari perspektif kesinambungan dan perubahan. Justeru itu sejarah itu harus dilihat dari akar umbinya. Akar umbi sejarah ialah prasejarah dan batangnya

"On this approach, Malay (Melayu) culture is part of a wider category that also includes several of the southern Orang Asli traditions: as one of the several 'Malay' societal traditions, Melayu culture is just as asli '(ab)original' as the 'Orang Asli' proper" (Benjamin 1989:15)

Dalam konteks sosiopolitik dewasa ini, 'Melayu' dan 'Orang Asli' adalah dua etnik yang berbeza, tetapi kalau kita mengkaji secara mendalam sebenarnya istilah 'Orang Asli' adalah rekaan baru khusus untuk memudahkan pentadbiran semasa dan bukan satu istilah akademik atau antropologi.

Dalam konteks yang lebih luas, orang Melayu Semenanjung dan juga orang 'Melayu' di Indonesia termasuk orang Melayu di Pagar Ruyung, Jawa, Sunda, Madura dan sebagainya adalah dari satu rumpun Melayu, malah perkembangan prasejarah kedua-dua etnik ini mempunyai persamaan yang erat sekali. Justeru itu, tidak hairan kalau etnik Orang Asli Che Wong mempunyai sejarah lisan yang mengaitkan asal usul mereka dari Pagar Ruyung. Hakikat hubungan kait antara Melayu di Semenanjung Malaysia dan di Kepulauan Melayu (sekarang ini Indonesia) boleh dirumuskan seperti apa yang ditulis oleh Bellwood (1985:131) :

"..in Indonesia and Malaysia the boundaries between cultures were perhaps more diffuse in prehistoric times than now..., and much of the ethnic consciousness which characterise the region today may have become sharpened in recent centuries as groups have symbolised their different identities in response to degrees of incorporation in state and colonial system".

Kesimpulan

Pada zaman prasejarah, rumpun Melayu dari bentuk fizikalnya adalah merangkumi ruang lingkup yang lebih luas. 'Orang Asli' dan Melayu adalah sama rumpunnya. Cuma yang membezakan mereka adalah perbezaan pemilihan mereka sendiri dari segi ekonomi, kebudayaan, politik, agama dan bahasa.

adalah protosejarah. Sementara sejarah adalah daun, bunga dan buah. Oleh kerana saya telah banyak memperkatakan tentang zaman prasejarah dan teman saya Tuan Haji Adi Hj. Taha juga akan memberi perhatian kepada isu-isu zaman prasejarah, maka saya akan menumpukan perhatian tuan-tuan dan puan-puan kepada zaman protosejarah.

Ungkapan protosejarah digunakan untuk merujuk kepada zaman-zaman sebelum kemunculan Kesultanan Melayu Melaka. Di Indonesia, ungkapan zaman klasik digunakan untuk melambang zaman protosejarah. Sementara di Filipina, ungkapan prasejarah dikekalkan untuk melambang zaman pra kedatangan Barat. Umumnya, ungkapan protosejarah merangkumi satu period dalam sejarah Malaysia di antara abad pertama ke abad 14 M.

Apabila kita membicarakan zaman protosejarah, aspek utama disentuh adalah proses-proses yang membawa kepada perubahan dari zaman logam kepada kerajaan-kerajaan awal atau proses kelahiran kerajaan-kerajaan awal. Berdasarkan kepada sumber-sumber Greek-Rom, India, China dan Arab Parsi didapati sejak kurun pertama Masihi telah wujud kerajaan pertama di Semenanjung Tanah Melayu. Tetapi bukti arkeologi menunjukkan kerajaan-kerajaan awal muncul pada abad ke-5 M di Malaysia. Bukti itu terdapat di Lembah Bujang, Kedah.

Kerajaan-kerajaan awal itu dikatakan lahir kerana berlakunya proses Indianisasi. Beberapa hipotesis diketengahkan tentang Indianisasi. Dalam tahun 1912, Radhakumud Mookerji melihat kerajaan-kerajaan awal tumbuh kerana kedatangan *Adventurers* dari India membentuk koloni. Hipotesis yang sama diketengahkan oleh *Greater India Society*, 1926. Antara pemegang teori itu ialah H.G. Quaritch-Wales, R.C. Majumdar, Phanindra Nath Bose dan lain-lain lagi. Sementara George Coedes berpendapat bahawa pedagang-pedagang India yang mendirikan petempatan-petempatan, pelabuhan-pelabuhan dan membolehkan Brahman dan intelek India menyebarkan kebudayaan India. Hipotesis ini ditolak oleh Van Leur kerana Coedes tidak mengambil kira peranan pelayar dan pedagang tempatan yang dipercayai sudah mahir dalam pelayaran dan perdagangan jarak jauh. Van Leur melihat pemerintah tempatan yang memanggil kebudayaan India demi untuk menaikkan martabatnya dengan meninjau konsep perajaan India dan menjemput golongan Brahman untuk melaksanakannya.

Di samping itu, C.C. Berg menganggap golongan anak raja dan ksatriya dari India yang membawa dan mengembangkan kebudayaan India dan dinasti India di Asia Tenggara. Pandangan Berg diperkukuhkan oleh Moens. Tetapi N.J. Krom melihat proses Indianisasi adalah secara aman. Justeru itu, masyarakat Asia Tenggara menerima kebudayaan India secara sedar tanpa paksaan melalui pedagang-pedagang yang berkahwin dengan wanita tempatan. F.D.K. Bosh menolak teori penaklukan (Ksatriya) dan juga teori pedagang (Vaisya).

Sekiranya diteliti teori-teori tentang proses pengindiaan itu dan dipadankan kepada tinggalan arkeologi zaman protosejarah, maka akan kelihatan teori-teori yang dibawa oleh golongan *Greater India Society* iaitu teori migrasi dan teori koloni India dan juga teori penaklukan sememangnya tidak mempunyai asas. Teori Van Leur agak munasabah kerana mengambil kira peranan pelayar dan pedagang tempatan. Sekiranya dirujuk pula kepada pandangan N.J. Krom iaitu proses itu berlaku secara aman, maka bukti-bukti arkeologi agak jelas tentang hal ini. Apabila dirujuk kepada tinggalan arkeologi protosejarah Malaysia di Lembah Bujang, Kuala Selinsing dan di Lembah Bernam, maka pendapat proses Indianisasi berlaku bukan secara paksaan dapat dibuktikan.

Tinggalan arkeologi di Lembah Bujang yang dikatakan bertarikh di antara abad 5 ke-14 M menunjukkan Lembah Bujang menerima pengaruh India. Tetapi tapak arkeologi Kuala Selinsing yang

terletak lebih kurang 150 km ke selatan dan wujud di antara 200 SM ke abad 10 M tidak menerima kebudayaan India dan masih meneruskan pegangan animisme. Dan tapak kubur batu kepingan di Lembah Bernam di zaman yang sama dengan tahap awal Kuala Selinsing mengamal kebudayaan Megalitik. Kalaulah wujud paksaan sudah pasti petempatan-petempatan tersebut menerima kebudayaan India.

Apabila dirujuk pula keadaan tinggalan-tinggalan monumen dan arca agama Hindu dan Buddha di Asia Tenggara, jelas kelihatan setiap kawasan memiliki tradisi senibina dan seni arca agama tersendiri. Tidak benar kalau dikatakan seni monumen dan seni arca agama abad ke-3 sampai ke-5 M dibawa dari Amaravati oleh imigran India. Monumen dan arca yang melambangkan abad ke-3 dan ke-5 M sudahpun memaparkan langgam (*style*) tempatan yang tersendiri. Begitu juga kalau diteliti tinggalan monumen abad ke-5 hingga ke-7 yang dikatakan dibawa oleh imigran India daripada tanah jajahan Gupta juga memiliki langgam tempatan yang tersendiri. Justeru itu untuk abad ke-7 dan ke-9 M umpamanya arca dewa Avalokitesvara di Kinta berbeza daripada arca Avalokitesvara kerajaan Dvaravati. Maka tidak benar langgam arca abad ke-7 hingga ke-9 M itu dibawa oleh imigran Pallava.

Memang benar bahawa agama Hindu dan Buddha dibawa atau diimport dari India dan begitu juga dengan sistem perajaan di zaman protosejarah. Tetapi agama dan konsep perajaan India telah diubah suai mengikut interpretasi tempatan. Maka Candi Borobudur di Jawa dan Angkor Wat di Kemboja masing-masing mencerminkan kepercayaan agama Buddha dan Hindu. Namun seni bina Angkor Wat ataupun Borobudur tidak mempunyai seni bina kembarnya di India yang boleh kita katakan sebagai jenis seni bina yang dibawa oleh imigran India ke tempat-tempat itu.

Kalau kita rujuk pula kepada inskripsi-inskripsi Kutei, Srivijaya dan lain-lain lagi, maka kita akan bertemu dengan nama-nama raja yang asalnya, sebelum mengambil nama raja Hindu atau Buddha, adalah nama orang tempatan. Inskripsi Kutei menunjukkan datuk kepada Raja Mulavarman bernama Kundangga. Begitu juga dengan raja Srivijaya pertama ialah Dapunta Hiyang dan bukan nama India. Inskripsi-inskripsi Srivijaya dan Sailendra ditulis dengan mengguna skrip India tetapi bahasanya adalah bahasa Melayu Kuno atau Jawa Kuno. Maka raja dan rakyat kerajaan itu adalah orang tempatan dan bukan imigran yang menjadi pengasas koloni India.

Oleh hal yang demikian, proses Indianisasi lebih tepat lagi kalau diungkapkan sebagai 'indigenouisasi' kebudayaan India. Elemen-elemen *local genius* memang ternampak dalam aspek-aspek kebudayaan India yang diimport termasuk dalam hal-hal berkaitan dengan adat istiadat, sistem kerajaan, keagamaan dan bahasa. Jelas sekali iaitu wujud *unity* dalam soal asal usul kebudayaan India sama ada berunsur Hindu atau Buddha tetapi secara praktiknya kelihatan *diversity*.


Kebanyakan mereka yang mengenali sejarah pra-Melaka adalah penerima dan pengguna (*consumers*) sahaja. Justeru itu tidak hairanlah kalau mereka menerima bulat-bulat apa sahaja yang mereka baca daripada buku-buku tentang proses Indianisasi. Mereka jarang mencuba menilai sendiri pendapat-pendapat, walaupun kepada mereka yang tahu pendapat-pendapat itu tidak tepat. Kita harus terima hakikat bahawa warisan pengaruh kebudayaan India yang terdapat di Lembah Bujang adalah warisan nenek moyang kita sebelum datangnya Islam dan bukan warisan imigran atau penakluk India.

Struktur Masyarakat/Kerajaan


Gambaran organisasi politik dan struktur masyarakat pra-Melaka dapat dicungkil daripada sumber-sumber Cina dan juga inskripsi warisan kerajaan-kerajaan tersebut. Namun begitu, walaupun diketahui terdapat banyak kerajaan-kerajaan awal di Semenanjung Tanah Melayu, hanya kerajaan Chih-tu, iaitu Tanah Merah yang dipercayai terletak di Kelantan dapat dikaitkan dengan Malaysia. Kerajaan-kerajaan lain dapat dihubungkan dengan Malaysia secara *indirect* di atas kepercayaan bahawa bentuk politik dan masyarakat pada umumnya sama sahaja di semua kerajaan dan yang berbeza adalah nama, gelaran pembesar sahaja dan sistem politik dan struktur masyarakat yang paling kompleks mungkin di Srivijaya. Juga, variasi sistem itu mungkin kerana wujud elemen-elemen tempatan. Umpamanya, kalau dirujuk kepada sistem di P'an-p'an (Kerajaan di Chaiya) dengan Chih-tu dan Srivijaya, hakikat ini ternyata.

Di Srivijaya, mengikut De Casparis berasaskan kepada inskripsi Telaga Batu, kedatuan Srivijaya atau kawasan di bawah pentadbirannya secara langsung terbahagi kepada beberapa *mandala* (daerah

Di P'an-p'an



Di Chih-tu



pentadbiran) dan setiap *mandala* ditadbir oleh datu. Datu dilantik dari kalangan anak raja atau anak pembesar. Di bawah datu adalah *parvannda* yang bertanggungjawab dalam hal tentera.

Dalam hierarki sosial dan pentadbiran, terdapat 4 kelas anak raja. Golongan pertama ialah *yuvaraja*. Tugasnya sebagai raja muda. Di bawahnya golongan anak raja bergelar *pratiyuvrara* dan dalam kes-kes tertentu dapat dilantik menjadi *yuvaraja*. Kelas ketiga ialah *Rajakumar*. Raja boleh dipilih daripada 3 kelas tersebut. Anak raja kelas keempat ialah *rajaputra* dan tidak berhak ke atas takhta. Mereka adalah anak isteri muda, gundik dan puteri raja yang ditakluk.

Dalam organisasi sosial dan politik terdapat dua kelas yang dominan. Kelas pertama adalah keturunan diraja, kepada kelas ini terdiri daripada keluarga diraja, putera-puteri diraja. Kedudukan dalam hierarki ini bergantung kepada kedudukannya dari segi keturunan.

Kelas kedua terdiri daripada menteri-menteri; *senapati*, *nayaka*, *pratyaya*, *haji pratyaya* dan *dandanayaka*. *Senapati* adalah pemerintah tentera (hulubalang) dan mungkin memiliki kuasa dan fungsi seperti laksamana di zaman Melaka. *Nayaka* adalah kepala bendahari (penghulu bendahari), *haji pratyaya* mungkin temenggung dan *dandanayaka* mungkin ketua hakim.

Selain daripada mereka itu terdapat pembesar-pembesar lain termasuk juga pegawai-pegawai raja dan penghulu pentadbiran. Antaranya, *murdhaka* (penghulu), *tuhan vatukvarah* (syahbandar) dan *adhyaksa nicavarna* (ketua golongan bawah). Juga terdapat *kumaramatya* (orang kaya-kaya). Selain daripada itu, terdapat golongan-golongan seperti *kayastha* (kerani), *sthapaka* (arkitek), *puhavam* (pekawal), *vaniaga* (peniaga), *vasikarana* (pandai besi), *marsi haji* (pencuci istana) dan *hulun haji* (hamba raja).

Oleh kerana Srivijaya terlibat dalam perdagangan maka wujud kumpulan ini. Mengikut inskripsi Telaga Batu, terdapat tuhan *vatukwarah* (syahbandar), *puhavam* (pekawal) dan *vaniaga*.

Di Srivijaya, hubungan antara raja dan rakyat berlandaskan kepada konsep raja sebagai *devaraja*. *Devaraja* ini pula adalah berkait dengan konsep *devaraja* dalam agama Buddha kerajaan Srivijaya menganuti agama Buddha. Berlandaskan kepada *Sejarah Melayu*, kemungkinan besar raja Srivijaya adalah pemuja kulit *Avalokitesvara*. Wolters melihat persamaan dari segi kebesaran Sri Tri Buana dengan *Avalokitesvara* dan juga konsep Bukit Seguntang Maha Meru. Dalam inskripsi Telaga Batu, Kota Kapur, Karang Brahi dan Palas Pasemah, terdapat kenyataan tentang kesan dan akibat rakyat yang derhaka. Dalam inskripsi Telaga Batu disenaraikan jenis derhaka : menjadi talibarut kepada musuh, raja, mencuri, mengamalkan amalan ilmu hitam dan berbaik dengan penyimpan khazanah diraja dan lain-lain lagi. Mereka yang derhaka dapat balasan *tantramala* selepas mati. Justeru itu inskripsi-inskripsi didirikan untuk mengingatkan rakyat. Juga, pembesar diminta minum air sumpah sebelum dihantar memerintah satu-satu daerah pegangan. Ini adalah persetiaan kepada raja. Raja dalam konsep agama Buddha adalah raja adil dan pemurah.

Raja di kerajaan-kerajaan awal seperti zaman Melaka mengamalkan hubungan diplomasi dengan China selain daripada berdagang dengan India, Asia Barat dan Asia Tenggara. Misi dihantar ke negeri China dan Maharaja China juga menghantar misi balas seperti yang dapat dilihat dalam sumber Cina.

Sebagai kesimpulannya dapat dikatakan kelahiran kerajaan awal kerana peranan perdagangan. Petempatan-petempatan zaman logam di pesisir berkembang menjadi pelabuhan-pelabuhan penting yang akhirnya membawa kepada kelahiran kerajaan-kerajaan awal secara evolusi tempatan.



www.arkib.gov.my

ISBN 978-967-912-123-0



9 789679 121230